

KPDNHEP akan tutup operasi, gantung lesen

Tiada lagi amaran kepada pengusaha stesen minyak seleweng minyak bersubsidi

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan meng-gantung lesen dan menutup operasi mana-mana pengusaha stesen minyak yang didapati terlibat dalam kegiatan penyelewengan minyak bersubsidi di negara ini.

Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, isu ketirisan barang bersubsidi terutama bahan petroleum diesel dan RON 95 bersubsidi dilihat semakin berleluasa kebelakangan ini.

Menurutnya, menerusi operasi dijalankan, KPDNHEP mengesan beberapa pihak termasuk pengusaha stesen minyak yang dipercayai bersekongkol dengan kegiatan penyelewengan ini.

"Saya nak ingatkan, tindakan tegas akan terus diambil, dan bukannya lagi amaran, seharusnya pengusaha stesen minyak lebih tahu tentang peraturan dan undang-undang yang ditetapkan," katanya pada sidang akhbar di Stor Ekshibit Sri Muda, Shah Alam pada Jumaat.



Azman (tengah) pada sidang akhbar di Stor Ekshibit Sri Muda, Shah Alam pada Jumaat.

Jelasnya, bermula 1 Januari sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 54 kes direkodkan berkaitan petrol RON 95 melibatkan nilai rampasan berjumlah RM365,116 berbanding 2021 dalam tempoh sama sebanyak 49 kes direkodkan melibatkan nilai rampasan RM96,787.

"Bagi kes melibatkan diesel turut berlaku peningkatan iaitu 2022 sebanyak 128 kes melibatkan nilai rampasan berjumlah RM3.06 juta manakala bagi 2021 dalam tempoh sama sebanyak 52 kes dengan nilai rampasan RM2.20 juta," ujarnya.

Menurut Azman, antara faktor peningkatan kes tersebut adalah disebabkan perbezaan harga yang ketara antara industri dan subsidi (stesen minyak).

"Faktor harga di negara jiran yang lebih tinggi berbanding harga di da-

lam negara turut menyumbang kepada meningkatnya aktiviti penyelewengan dan penyeludupan ke atas bahan petroleum," katanya.

Tambahnya, KPDNHEP turut memberi amaran keras kepada mana-mana individu dan syarikat agar tidak bersubahat dalam aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang bersubsidi termasuk bahan petroleum.

"Mana-mana individu yang melakukan kesalahan tersebut boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Selain itu, pihak yang terlibat juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2001)," jelasnya.